



Anwar bersama Tengku Zafrul dan Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan pada sidang media di Tokyo, semalam. (Foto BERNAMA)

Malaysia berpotensi tarik pelaburan RM1.4b dari Jepun

Pelbagai syarikat nyata minat melabur, kukuh nilai dagangan dua negara

Daripada Robin Augustin

di Tokyo



Malaysia berpotensi menarik pelaburan RM1.4 bilion dari Jepun dan potensi eksport RM550 juta ke negara itu, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri yang memaklumkan perkembangan itu hasil pertemuan dengan rakan sejawatnya di Jepun, Fumio Kishida, di sini petang semalam, berkata potensi pelaburan itu meliputi projek di Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

"Pelaburan baharu itu memerlukan perbincangan lanjut dengan Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) serta agensi berkaitan kerana ia membabitkan alam sekitar.

"Kami tegas dalam perkara berkaitan alam sekitar," kata Anwar pada sidang media semalam dan memaklumkan bu-

tiran mengenai perkara berkenaan akan diumumkan kemudian.

Semalam, Perdana Menteri yang dalam rangka lawatan kerja ke Jepun bermula Rabu lalu, turut bertemu ketua tujuh syarikat terbesar di Jepun yang diadakan secara berasingan.

Sementara itu, Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz, berkata pertemuan dengan konglomerat Jepun itu membabitkan enam syarikat yang sedia berada di Malaysia dan satu lagi ingin melabur.

Beliau menjelaskan, syarikat yang ingin melabur di Malaysia itu beroperasi dalam industri semikonduktor.

"Syarikat selebihnya umum hasrat mereka untuk menambah pelaburan baharu di Malaysia, khususnya dalam tenaga baharu dan boleh diperbaharui.

"Pelaburan dalam tenaga boleh diperbaharui boleh cecah RM40 hingga RM50 bilion dalam tempoh 10 tahun," katanya.

Mengenai potensi eksport dari Malaysia ke Jepun, Tengku Zafrul berkata, ia membabitkan produk hulu dan hiliran minyak sawit.

"Diharapkan perdagangan kita dengan Jepun akan meningkat tahun ini. Tahun lalu berjumlah sekitar RM35 bilion," katanya sambil menambah satu pertiga daripada nilai dagangan itu

membabitkan gas asli cecair.

Mengenai pelaburan ke Sabah dan Sarawak, beliau berkata, ia antara lain dalam sektor tenaga boleh diperbaharui dan sektor elektrik dan elektronik.

"Banyak syarikat dalam industri semikonduktor mahukan bekalan tenaga hijau dan mereka melihat potensi itu di Sarawak," katanya turut memaklumkan syarikat Jepun antara lain berharap Malaysia mempertimbangkan insentif cukai bagi industri itu.

"Ini sektor baharu, jadi mereka perlukan sokongan dari segi subsidi dan insentif cukai. Kerajaan akan buat analisis kos-faedah sebelum memutuskan sebarang insentif untuk sektor berkenaan," katanya.

Sementara itu, BERNAMA melaporkan, beberapa projek daripada potensi pelaburan itu akan dilaksanakan dalam tempoh tiga tahun dan bakal membantu Malaysia mewujudkan ekosistem kukuh dalam sektor semikonduktor, tenaga boleh baharu dan teknologi hijau.

Menurut MITI dalam satu kenyataan, beberapa projek adalah pemangkin penting ke arah mencapai matlamat pelepasan karbon sifar bersih Malaysia menjelang 2050.

Syarikat yang mengadakan pertemuan dengan MITI ialah IHI Corporation, Nisshin Oil Group, Tokuyama Corporation, Sumitomo Corporation, ENEOS Holdings, Mitsubishi Corporation dan Tokyo Gas.